

Seorang lagi pelumba Malaysia terpilih

Berita Harian (23/6/2022) page 47

Kuala Lumpur: Seorang lagi pelumba motocross negara dipilih untuk melengkapkan empat tiket 'wildcard' bagi menyertai Pusingan 12 Kejuaraan Motocross Dunia MXGP 2022 di Samota-Sumbawa, Indonesia hujung minggu ini.

Muhammad Shukor Kamarudin menjadi pelumba terakhir untuk bersama-sama tiga lagi wakil negara Muhammad Hakimi Iroly, L Dharwin dan T Patthipat yang buat julung kalinya menyertai kejohanan berprestij dalam arena motocross itu.

Shukor, 33, berkata, peluang diraihnya itu bakal digunakan dengan sebaiknya apatah lagi ini adalah penyertaan julung kali negara di Kejuaraan Motocross Dunia MXGP dan berazam untuk mengharumkan nama Malaysia.

"Saya akan cuba sedaya upaya dalam MXGP di Sumbawa dan mengharumkan nama Malaysia," kata Shukor ketika ditemui dalam majlis pelepasan di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia (WTC), kelmarin.

"Saya akan cuba berikan yang terbaik untuk rakyat Malaysia. Ini kali pertama dalam sejarah



Shukor (kiri); Pengurus ALS Motorsports, Syamsul Bakhtiar Esa (tengah); Penasihat ALS Motorsports, Datuk Nashrudin Elias (kanan) dan Pengurus Teknikal Pasukan ALS Motorsports, Muhammad Hirev Fazly Ismail selepas majlis pelepasan yang disempurnakan Ahmad Zahid di WTC, Kuala Lumpur, kelmarin.

dan sudah pasti saya dan rakan sepasukan yang lain akan cuba yang terbaik mungkin."

Shukor adalah pelumba senior dalam pasukan ALS Motorsports dan baginya, pengalaman dimilikinya akan dikongsi bersama rakan sepasukan bagi mengharungi cabaran di Indonesia nanti.

"Ini tanggungjawab bersama dan kami akan cuba lakukan yang terbaik. Mungkin kalau ada pengalaman lebih itu, kami akan kongsi bersama. Saya mungkin sedikit berusia daripada yang lain dan sekiranya ada pengalaman yang kurang atau lebih itu, kami akan kongsi bersama untuk

mengharumkan nama Malaysia," katanya.

Di Indonesia nanti, Shukor dijadual menyertai kelas MX1 450cc manakala Hakimi, Dharwin dan Patthipat beraksi dalam kelas MX2 250cc.

Dalam pada itu, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selepas majlis pelepasan berkata: "Saya mempunyai keyakinan amat tinggi terhadap kemampuan mereka bagi menyelesaikan perjalanan yang jauh ini kerana mereka terpilih daripada ramai pelumba di Malaysia.

"Mereka ini adalah yang terbaik untuk mewakili negara dan saya harap, pelumba kita ini sentiasa berada di garisan hadapan, maksudnya saya berharap kejuaraan itu dapat didakap oleh pelumba daripada negara kita.

"Insyallah, dengan kejayaan itu ia dapat mengharumkan nama negara dan harap ketersohoran mereka akan terus meletakkan Malaysia di peta dunia dalam bidang ini dan ia seterusnya memberik kesinambungan terhadap motivasi dan semangat kepada pelumba lain di tahun mendatang" katanya.